



كوتور كور ليا ليا داران سوكور  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**D.O.A.**  
DAY OF ACTION

**DAY OF ACTION**

**(D.O.A) 2020  
CAMPAIGN**



**CALLING ALL NGOs, GOVERNMENT AGENCIES,  
ORGANIZATIONS, AND YOUTH GROUPS  
TO CREATE IMPACT TOGETHER FOR  
A DAY OF ACTION**

**Closing Registration : 31<sup>st</sup> October 2020**



*Scan me*



**Apply here: <https://forms.gle/wJb8M9WVyDbGVEjh9>**

**VOLUNTEER**  
FOR AN INCLUSIVE FUTURE

**Untuk mendaftar sila klik pada link seperti berikut :**

**<https://forms.gle/wJb8M9WVyDbGVEjh9>**

## **Kempen Hari Bertindak (*Day of Action*) Sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2020**

### **1.0 PENGENALAN**

- 1.1 Hari Sukarelawan Antarabangsa merupakan mandat daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Ia diadakan pada setiap 5 Disember.
- 1.2 Hari Sukarelawan Antarabangsa dilihat sebagai peluang unik bagi para sukarelawan dan organisasi untuk meraikan usaha mereka, untuk berkongsi dan mempromosi kerja mereka di kalangan komuniti mereka, badan-badan bukan kerajaan, agensi-agensi swasta dan agensi-agensi kerajaan.
- 1.3 Selain menggerakkan beribu-ribu sukarelawan setiap tahun, Program Sukarelawan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nation Volunteer*) menyumbang kepada perdamaian dan pembangunan dengan menyokong pengiktirafan sukarelawan dan bekerjasama dengan rakan-rakan untuk mengintegrasikan sukarelawan ke dalam program pembangunan.
- 1.4 Bagi tujuan tersebut, Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memperkenalkan Kempen Hari Bertindak (*Day of Action*) dalam sama-sama menggerakkan dan mempertingkatkan semangat sukarelawan di kalangan masyarakat.
- 1.5 Pelaksanaan DOA bagi tahun 2016 telah berjaya melibatkan 41 agensi dengan pelaksanaan 31 aktiviti. Kempen diteruskan bagi tahun 2017, 2018 dan 2019. Pada awal tahun 2018, kempen ini berjaya mengumpulkan sebanyak 7,863 barang bantuan dan mengagih-agihkannya kepada mangsa banjir di Daerah Tutong dan Belait yang melibatkan seramai 100 sukarelawan.

#### Statistik jumlah agensi, aktiviti dan sukarelawan terlibat

	<b>Aktiviti</b>	<b>Agensi</b>	<b>Sukarelawan</b>
<b>2016</b>	31	41	1,000
<b>2017</b>	38	24	1,014
<b>2018</b>	89	92	2,195
<b>2019</b>	59	65	2,445

- 1.6 Begitu juga halnya dengan penglibatan para belia selaku sukarelawan pada masa kini sangat aktif semasa penularan wabak COVID-19 yang melanda negara. Penglibatan para sukarelawan sangat ketara dalam sama-sama turun padang bagi membantu pihak kerajaan bagi menangani penularan wabak COVID-19 dan menghulurkan bantuan yang diperlukan. Setakat ini jumlah belia yang berdaftar selaku Sukarelawan Belia bagi membantu penularan wabak COVID-19 berjumlah 1,548 orang. Mereka ini terdiri daripada agensi kerajaan, pergerakan dan persatuan belia dan individu.

## **2.0 TUJUAN**

Sambutan ini bertujuan untuk mengumpul penggiat aktiviti sukarela dan para sukarelawan di dalam sama-sama melaksanakan kerja-kerja sukarela disamping untuk menghargai jasa dan sumbangan yang telah diberikan oleh penggiat aktiviti sukarela dan sukarelawan.

## **3.0 OBJEKTIF UTAMA**

Mengadakan marathon kerja sukarela di keempat-empat daerah dengan penglibatan daripada agensi kerajaan, swasta dan pergerakan-pergerakan bukan kerajaan.

## **4.0 KLUSTER PROGRAM**

1. Kemanusiaan dan Kemasyarakatan
2. Alam Sekitar
3. Pendidikan dan Latihan
4. Keagamaan
5. Keusahawanan Sosial
6. Sukan dan Kesihatan
7. Kesenian

## **5.1 CADANGAN TARIKH, TEMPAT DAN TETAMU KEHORMAT**

5.1 Cadangan tarikh pelancaran ialah pada 6 Disember 2020 (Ahad).

5.2 Tempat utama penganjuran dicadangkan di :

Cadangan 1: Bangunan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Temburong

Cadangan 2: Perkampungan Sukan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, dan Padang Kawad

Cadangan 3: Ruang Concourse, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas  
[Bawah Tangga Utama masuk Stadium]

5.3 Cadangan Tetamu Kehormat semasa pelancaran ialah Yang Berhormat Dato Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

## **6.0 KONSEP PENGANJURAN**

6.1 Penganjuran inisiatif *Day of Action* pada tahun ini adalah masih mengekalkan pendekatan senegara [*whole of nation approach*]. Inisiatif ini dianjurkan dan diurusadbir oleh kumpulan belia (Rakan Strategik KKBS) dengan dibantu dan disokong oleh Jabatan Belia dan Sukan. Manakala aktiviti di bawahnya akan dikendalikan oleh agensi-agensi kerajaan, syarikat-syarikat swasta, persatuan-persatuan belia, pergerakan-pergerakan belia, Majlis Perundingan Mukim dan Kampong, belia-belia masjid dan individu.

6.2 Walaubagaimanapun cara pelaksanaan sedikit berbeza mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam dalam penganjuran acara sosial semasa menangani penularan wabak COVID-19 di negara ini.

6.3 Tatacara pengendalian program/aktiviti semasa wabak COVID-19:

- (i) Menghadkan kapasiti perkumpulan yang ramai (*mass gathering*) iaitu tidak melebihi 350 orang (termasuk Ahli Jawatankuasa Pelaksana dan sukarelawan).
- (ii) Mematuhi langkah-langkah kesediaan oleh pihak kerajaan dalam menangani wabak COVID-19 seperti mengekalkan penjarakan sosial, penyediaan *QR code*, memuat turun *QR code BruHealth*, mengambil suhu badan, menyediakan *hand sanitiser*, menggunakan serkup muka dan lain-lain. Sepertimana yang disarankan oleh pihak Kementerian Kesihatan dengan mengikuti tatacara yang betul (*Standard Operating Procedure [SOP]*) yang ditetapkan.

# Tertakluk kepada keadaan situasi [Wabak Covid-19] pada keadaan projek berjalan nanti [6 Disember 2020]

## **7.0 PELAKSANAAN DAY OF ACTION 2020**

*Day of Action 2020* akan diadakan bermula pada 6 Disember 2020, dengan Majlis Pelancaran yang akan dilaksanakan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Kempen ini akan diteruskan sehingga 31 Disember 2020 dengan pelaksanaan program dan aktiviti yang akan dijalankan oleh agensi-agensi yang dijemput bagi menyemarakkan sambutan ini.

## **8.0 PENUTUP**

8.1 Adalah diharapkan melalui penganjuran sambutan ini akan dapat terus meningkatkan kefahaman mengenai konsep sukarela dan gotong royong di kalangan masyarakat.

8.2 Di samping itu, melalui penganjuran ini juga diharapkan akan dapat menarik lebih banyak kumpulan-kumpulan di dalam menganjur aktiviti sukarela.

## ATUR CARA

# Majlis Pelancaran *Day of Action* Sempena Hari Sukarelawan Antarabangsa 2020

Ahad, 6 Disember 2020

- 6.30 pagi : Kehadiran Ahli Jawatankuasa Kerja
- 7.00 pagi : Kehadiran jemputan dan peserta *Day of Action* 2020
- 7.15 pagi : Kehadiran jemputan khas
- 7.30 pagi : Kehadiran Tetamu Kehormat Majlis  
Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin  
Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin  
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan

### *Majlis dimulakan*

- : Bacaan Surah Al-Fatihah
- : Ucapan Alu-aluan oleh Pengerusi Majlis
- : Pelancaran *Day of Action 2020* oleh Tetamu Kehormat  
Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin  
Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin  
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan
- : Melawat aktiviti-aktiviti *Day of Action* 2020